



LAPORAN TAHUNAN

2022

**PERTUBUHAN TULIR
MALAYSIA (PTM)**

1

PROGRAM MEMPERKASA PANITIA DAERAH: MESYUARAT PROGRAM SINAR TULIR BAHASA MELAYU SJK (T) DI DAERAH JEMPOL & JELEBU

Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM) telah berjaya menganjurkan Program Memperkasa Panitia Daerah: Mesyuarat Program Sinar Tulir Bahasa Melayu Sjk (T) Di Daerah Jempol & Jelebu. Melalui program ini, guru-guru dapat mengetahui tentang hasil inovasi buku panduan kata kerja dan imbuhan Tahun 1. Bukan itu sahaja, guru-guru mendapat idea tentang buku panduan kata kerja dan imbuhan Tahun 1. Program ini dijalankan pada 12 Januari 2022 (Rabu) di Bangunan KRT Chu Ward / Pekan Bahau, Rumah Rakyat, Bahau. Seramai 35 orang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu telah menyertai program tersebut.



2

MAJLIS JAMUAN AKHIR TAHUN PERTUBUHAN TULIR MALAYSIA TAHUN 2021

Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM) telah berjaya menganjurkan Majlis Jamuan Akhir Tahun 2021 pada 30 Januari 2022 (Sabtu), di IOI Golf Club, Putrajaya. Seramai 25 ahli PTM telah menyertai majlis jamuan akhir tahun tersebut.



3

PROGRAM PENERBITAN JURNAL BERIMPAK TINGGI BERSAMA PENERBIT UPM

Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM) telah menganjurkan Program Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi bersama Pengarah Penerbit UPM, Prof. Ir. Dr. Thariq bin Muhammad Sultan Hameed. Seramai 9 orang ahli Pertubuhan Tulir Malaysia telah menyertai program tersebut yang diadakan secara dalam talian pada 4 Mac 2022, pukul 9.00-10.00 malam. Dr. Siva Perumal Narayanan telah mengambil tugas sebagai Moderator Program. Hasil program tersebut telah membantu ahli PTM yang terdiri daripada pelajar PhD Bahasa Melayu, dalam menulis dan menghasilkan jurnal yang berimpak tinggi.

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PENERBITAN JURNAL BERIMPAK TINGGI

PENCERAMAH
Prof. Ir. Ts. Dr. Mohamed Thariq bin Haji Hameed Sultan

MODERATOR
Dr. Siva Perumal Narayanan

TARIKH: 4 MAC 2022
MASA: 9PM-10PM
PAUTAN : GOOGLE MEET

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

4

PROGRAM PEMANTAPAN LITERASI BAHASA MELAYU SJKT LADANG HIGHLANDS

Pertubuhan Tulir Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan sekolah SJKT Ladang Highlands, Klang untuk mengadakan sesi perkongsian ilmu tentang pemantapan literasi Bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahap 1. Program ini telah diadakan pada Seramai 65 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah telah menyertai program tersebut. *Program ini dijalankan pada 12 April 2022, pukul 2.00-5.00 petang di dewan sekolah, SJK(T) Ladang Highlands.*




5

PROGRAM SISTEM PENARAFAN BINTANG BERSAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI LABUAN



Prof. Dr. Vijayaletchumy Subramaniam telah membangunkan satu sistem pemantauan tahap penguasaan bahasa kebangsaan murid yang dikenali sebagai Sistem Penarafan Bintang. Sistem ini telah dibangunkan hasil daripada dapatan kajian yang telah dilakukan selama 5 tahun untuk membantu warga pendidik memantau penguasaan bahasa kebangsaan murid berdasarkan konstruk tatabahasa yang ditekankan dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Sekolah (DSKP). Selaras dengan itu, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan untuk mengadakan sesi perkongsian ilmu tentang sistem yang telah dibangunkan di Makmal Komputer Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Seramai 55 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah telah menyertai program tersebut dan memberikan lambakan komen positif tentang perkongsian ilmu yang telah dijalankan. Malahan, para peserta turut berkongsi pandangan masing-masing tentang penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk memudahkan pengurusan sistem tersebut kepada warga pendidik. Selain itu, pihak SISC+ Bahasa dari JPN Wilayah Persekutuan Labuan turut menyertai program ini untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang penggunaan sistem tersebut di sekolah.



6

BENGKEL PENGHASILAN KIT INOVASI KATA BERIMBUHAN BERSAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI LABUAN

Pertubuhan Tulir Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan untuk mengadakan sesi perkongsian ilmu tentang Kit Inovasi Kata Berimbuhan PAK21. Seramai 55 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah telah menyertai program tersebut dan memberikan lambakan komen positif tentang perkongsian ilmu yang telah dijalankan. Malahan, para peserta turut berkongsi pandangan masing-masing tentang inovasi tersebut. Selain itu, pihak *SISC+* Bahasa dari JP Wilayah Persekutuan Labuan turut menyertai program ini.





7

PROGRAM REKONSTRUKSI KATA NAMA TERBITAN SJKT NEGERI SELANGOR – SIRI 1

Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM) telah berjaya menganjurkan Program Rekonstruksi Kata Nama Terbitan SJK(T) Negeri Selangor Siri 1 dengan kerjasama Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, pada 18 Julai 2022 (Isnin), di Mini Auditorium 1, UPM. Program ini dilaksanakan dengan bantuan geran kewangan MITRA. Seramai 200 orang guru Bahasa Melayu dari 99 buah SJK(T) di Selangor telah menghadiri program ini melalui bengkel yang telah dijalankan. Siri 1 program ini berlangsung dari 18-20 Julai 2023 untuk 9 daerah di negeri Selangor. Dalam Siri 1 program ini, Dadu bahan inovasi Gergasi Imbuan PAK21 telah diedarkan kepada semua guru dan sekolah SJK (T) negeri Selangor.





8

PROGRAM REKONSTRUKSI KATA NAMA TERBITAN SJK NEGERI SELANGOR – SIRI 2

Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM) telah berjaya menganjurkan Program Rekonstruksi Kata Nama Terbitan SJK(T) Negeri Selangor Siri 2 dengan kerjasama Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, pada 1 Ogos 2022 (Isnin), di Mini Auditorium 1, UPM. Program ini dilaksanakan dengan bantuan geran kewangan MITRA. Seramai 200 orang guru Bahasa Melayu dari 99 buah SJK(T) di Selangor telah menghadiri program ini melalui bengkel yang telah dijalankan. Siri 1 program ini berlangsung dari 1-3 Ogos 2022 untuk 9 daerah di negeri Selangor. Dalam Siri 2 program ini, buku Mari Mengenali Alomorf Bahasa Melayu Melalui Teknik GAD telah diedarkan kepada semua guru dan sekolah SJK (T) negeri Selangor.





MAJLIS KEMUNCAK PROGRAM REKONSTRUKSI TERBITAN SJKT NEGERI SELANGOR



MITRA
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

MAJLIS KEMUNCAK PROGRAM REKONSTRUKSI KATA NAMA TERBITAN SJK(T) SELANGOR

18 OKTOBER 2022

2.00 - 4.30 PETANG

AUDITORIUM RASHDAN BABA,
PEJABAT TNCPi, UNIVERSITI
PUTRA MALAYSIA

TAJAAN MITRA
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

ANJURAN DENGAN KERJASAMA

PEPERUHAN TULIR MALAYSIA
KUALITI PEMERIKSAAN BAHASA KEMERDEKAAN

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
DESIGN & STRATEGY

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

Program ini dilaksanakan dengan bantuan geran kewangan MITRA yang telah diluluskan oleh Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Jun 2022. Seramai 200 orang guru Bahasa Melayu dari 99 buah SJK(T) di Selangor telah menghadiri program ini melalui bengkel yang telah dijalankan dalam 3 siri, yang telah bermula pada 18 Julai 2022 dan berakhir pada 18 Oktober 2022. Selain itu, bahan inovasi Gergasi Imbuhan PAK21 dan buku Mari Mengenali Alomorf Bahasa Melayu Melalui Teknik GAD telah diedarkan kepada 5,667 orang murid tahun 6 di semua SJK (T) negeri Selangor.


Acara kemuncak ini dihadiri oleh Puan Shanti Achuthan (Ketua Pengarah Sektor Pendidikan dan Latihan) mewakili Tuan Raveendran Nair A/L Kesavan Nair Ketua Pengarah Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (Mitra). Majlis ini juga dihadiri oleh Timbalan Dekan (Akademik & Pelajar), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, para pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Selangor, Guru-guru besar Sekolah SJKT Negeri Selangor dan para guru Bahasa Melayu SJKT Negeri Selangor.



PROGRAM INTRODUKSI TERAPI BERKUDA UNTUK MURID DISLEKSIA – NEGERI SELANGOR

Seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada guru-guru bahasa pendidikan khas dan prasekolah dari sekolah SK, SJK(T) dan SJK(C) di negeri Selangor terlibat dalam Program Introduksi Terapi Berkuda untuk Murid Disleksia yang telah berlangsung pada 13 Oktober 2022 bertempat di Auditorium Rashdan Baba, UPM. Program ini memberikan pendedahan tentang intervensi terapi berkuda untuk murid berkeperluan khas melalui buku panduan yang dihasilkan, iaitu Buku Panduan Intervensi Terapi Berkuda untuk Murid Disleksia terbitan Penerbit UPM. Program ini dilaksanakan oleh Pertubuhan Tulir Malaysia dengan kerjasama Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Program ini ditaja oleh Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS).





PROGRAM REKONSTRUKSI KATA NAMA TERBITAN PPD LANGKAWI

Program Rekonstruksi Kata Nama Terbitan telah diadakan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Langkawi pada 16 Oktober 2022 (Ahad), pukul 8.30 pagi hingga 1.00 petang di Dewan Seminar, SMK Tunku Putra. Program ini merupakan kolaborasi PPD Bentong bersama Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM). Program ini telah dihadiri oleh 80 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah dan menengah daerah Langkawi. Program ini diwujudkan untuk memberikan pendedahan kepada guru tentang pengajaran dan pembelajaran kata nama terbitan dalam bentuk inovasi selaras dengan perkembangan minda murid berdasarkan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).



PROGRAM REKONSTRUKSI KATA NAMA TERBITAN SJKT NEGERI SEMBILAN

Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM) telah berjaya menganjurkan Program Rekonstruksi Kata Nama Terbitan SJK(T) Negeri Sembilan dengan kerjasama Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, pada 29 November 2022 (Selasa), di SJK(T) Bandar Sri Sendayan. Seramai 80 orang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Negeri Sembilan telah menyertai program tersebut. Program ini ditaja oleh YB. Tuan Veerapan A/L Superamaniam, EXCO Kerajaan Negeri Sembilan. Program berjaya mengedarkan 450 buah Buku Mari mengenali Alomorf Bahasa Melayu Melalui Teknik GAD serta 70 buah kotak Dadu Gergasi Imbuhan PAK21 kepada 61 buah SJK(T) di Negeri Sembilan secara percuma. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mohamad Saizi bin Ishak, Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.





13

PROGRAM KOLABORASI BERSAMA PUSAT MULTISENSORI DISLEKSIA SINGAPURA

Prof. Dr. Vijayaletchumy Subramaniam dan Dr. Kavenia Kunasegran telah membangunkan satu inovasi untuk pembelajaran literasi Bahasa Melayu untuk murid disleksia yang dikenali sebagai Kit Dys-Literasi Multisensori Bahasa Melayu. Inovasi ini telah dibangunkan hasil daripada dapatan kajian yang telah dilakukan selama 2 tahun untuk membantu warga disleksik mempelajari Bahasa Melayu. Selaras dengan itu, UPM & PTM telah menjalinkan kerjasama dengan Pusat Multisensori Disleksia Singapura untuk mengadakan sesi perkongsian ilmu tentang inovasi yang telah dibangunkan pada 14 Disember 2022.



14

KELAS BAHASA MELAYU PERTUBUHAN TULIR MALAYSIA

Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM) menganjurkan Kelas Bahasa Melayu dalam talian secara percuma kepada semua murid yang tidak dapat mengikuti sesi persekolahan akibat pandemik Covid-19. Kelas ini diadakan setiap hari Sabtu untuk 1 jam, iaitu 4.00 hingga 5.00 petang. Setakat ini, Kelas Bahasa Melayu telah membantu 250 orang murid dari seluruh Malaysia dalam memperkasakan bahasa kebangsaan. Terdapat 20 orang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan terdiri daripada ahli PTM dan guru-guru Bahasa Melayu sedang mengendalikan kelas ini setiap minggu dengan turutan. Antara topik yang diajar ialah kata ganti nama diri, kata nama am & khas, imbuhan, kata pemerai, kata arah, kata hubung, kata seru, kata ganda, kata bilangan, jenis ayat, dan kata penguat. Objektif utama siri kelas ini adalah untuk membantu murid dalam menguasai dan mengukuhkan komponen tatabahasa supaya tidak ketinggalan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

**KELAS BAHASA
MELAYU
KATA KERJA**

TARIKH : 2 JULAI 2022 (SABTU)
MASA : 4:00 HINGGA 5:00 PETANG

SIRI 70  PENGAJAR
CIKGU KUMUTHA



KELAS BAHASA MELAYU

KATA NAFI

PADA

TARIKH : 22 OKTOBER 2022 (SABTU)

MASA : 4:00 HINGGA 5:00 PETANG

BERSAMA-DENGAN

CIKGU PUNITHA MOHAN

SIRI 86

KELAS BAHASA MELAYU

KATA GANDA ULANGKAJI

TARIKH : 6 OGOS 2022 (SABTU)

MASA : 4:00 HINGGA 5:00 PETANG

SIRI 75

PENGAJAR

CIKGU MEKANAYAGI

KELAS BAHASA MELAYU

AYAT PERINTAH

TARIKH : 18 JUN 2022 (SABTU)

MASA : 4:00 HINGGA 5:00 PETANG

SIRI 68

PENGAJAR

CIKGU RICHARD